

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 18 TAHUN 2008

**PENINGKATAN MAKSIMUM CUTI REHAT DAN CUTI REHAT KHAS
YANG BOLEH DIKUMPUL UNTUK PEMBERIAN WANG TUNAI
SEBAGAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR) KEPADA 150 HARI**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai peningkatan maksimum Cuti Rehat dan Cuti Rehat Khas yang boleh dikumpul untuk Pemberian Wang Tunai sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada **150 hari** mulai **1 Januari 2009**.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa bagi pengurusan GCR adalah seperti berikut:

- (i) **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2003** – Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR);
- (ii) **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2004** – Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Kepada Pegawai Yang Memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan
- (iii) **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2005** – Cuti Rehat Khas dan Pengumpulannya Bagi Tujuan Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

3. Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan tersebut telah menghadkan maksimum Cuti Rehat dan Cuti Rehat Khas yang boleh dikumpul bagi tujuan GCR kepada sebanyak 120 hari, di samping menjelaskan prinsip dan prosedur yang sedang berkuat kuasa bagi pengurusan GCR.

PELAKSANAAN

4. Di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini, maksimum Cuti Rehat dan Cuti Rehat Khas yang boleh dikumpul bagi GCR ialah sebanyak **150 hari** berkuat kuasa pada 1 Januari 2009. Walau bagaimanapun, jumlah Cuti Rehat dan Cuti Rehat Khas yang telah dikumpul **sehingga 31 Disember 2008 diambil kira**

setakat 120 hari sahaja. Mulai 1 Januari 2009, pegawai boleh mengumpul Cuti Rehat dan Cuti Rehat Khas untuk menambah sehingga maksimum 150 hari. Bagi maksud ini, kaedah pengumpulan yang berkuat kuasa di bawah peruntukan Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan di perenggan 2 adalah dikekalkan.

PENGEKALAN

5. Peraturan, syarat, kaedah pengumpulan, perkiraan dan prosedur permohonan GCR yang diperuntukkan dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2003**, **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2004** dan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2005** adalah masih terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan ini.

6. Borang-borang yang dilampirkan dalam Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan tersebut di atas hendaklah dipinda sewajarnya dengan menggantikan perkataan "**120 hari**" dengan perkataan "**150 hari**" di mana jua perkataan itu tercatat.


TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2009**.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

10 Disember 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan